


Kuala Lipis bandar lama di Pahang.

Port Dickson membangun dalam sektor pelancongan.



SHAHARUDIN IDRUS

Memakmur bandar kecil, pertengahan

Kualiti dan kesejahteraan hidup penduduk wajar jadi agenda penting pembangunan

Arus pembandaran di negara ini bergerak begitu pantas dalam tempoh lebih enam dekad yang lalu dan akan terus mengalami perkembangan itu. Tumpuan pembangunan bandar tidak terhad kepada pembangunan bandar besar dan utama tetapi juga terhadap pembangunan bandar kecil dan pertengahan yang tumbuh di pinggir seiring dengan bandar besar.

Seperkara yang diperhatikan bawanya pertumbuhan dan pembangunan bandar kecil yang berada di pinggir bandar seperti yang sering dihujahkan berlaku lebih pantas berbanding dengan bandar besar yang berada di zon teras (core).

Pembangunan bandar kecil dan pertengahan ini membawa pelbagai implikasi besar terhadap perkembangan dan kelestarian bandar di negara ini pada masa depan.

Perubahan peranan bandar kecil, pertengahan

Peranan bandar kecil dan pertengahan ini dalam pelbagai aspek pembangunan bandar, tidak boleh dikesampingkan sama sekali. Peranan yang dimainkan oleh bandar kecil dan pertengahan ini juga mengalami perubahan.

Jika dahulu, bandar kecil lebih berperanan sebagai bandar perantara iaitu sebagai tempat singgahan untuk ke bandar yang lebih besar atau sekadar mencari keperluan harian, namun kini bandar kecil dilihat lebih bebas dan berdikari tanpa terikat dengan bandar-bandar utama yang lain.

Perkara ini berlaku antara lain

disebabkan oleh perubahan di dalam asas ekonomi yang menunjang bandar kecil tersebut.

Jika dahulu (sekitar 1960 hingga awal tahun 1980-an), asas ekonomi yang mendasari bandar kecil adalah pertanian sara diri. Penduduk yang mendiami bandar kecil itu menjalankan kegiatan berasaskan pertanian bersifat sara diri misalnya Taiping di Perak, manakala bandar kecil berasaskan ketenteraan dan kepolisian misalnya Kuala Kubu Baru, Port Dickson dan Lumut.

Perindustrian kecil-kecilan

Bandar kecil yang diasaskan kepada perindustrian secara kecil-kecilan menyediakan perusahaan seperti membuat kerpek pisang, ubi kayu dan lain-lain. Bandar di jajaran pantai timur misalnya Pekan, Balok, Cukai, Kijal, Kemaman, Kerthi, Jerteh di Pahang dan Terengganu telah membentuk koridor keropok lekor/sata dan lemang yang terkenal dan menjadi kegemaran pengunjung dan pelancong tempatan dan luar neogra.

Begitu juga dengan bandar di sebelah pantai barat misalnya Tanjung Karang, Sekinchan, Sungai Besar, Sabak Bernam di Selangor membentuk koridor kerpek dan makanan laut. Semua bandar kecil ini mempunyai ke-

tegorikan mengikut asas kewujudannya, misalnya bandar kecil berasaskan tradisional dan sejarahnya (sama ada masakan, buah-buahan, pendidikan dan budaya) misalnya seperti Bidor, Tapah dan Tanjung Malim di Perak; Kuala Lipis dan Bentong di Pahang. Bandar kecil berasaskan warisan misalnya Taiping di Perak, manakala bandar kecil berasaskan ketenteraan dan kepolisian misalnya Kuala Kubu Baru, Port Dickson dan Lumut.

"Disebabkan keunikian dan keistimewaan itulah yang membawa kepada kelestariannya pada hari ini walaupun terdapat juga bandar kecil ini yang mengalami proses pengusangan dan kepupusan"

unikannya yang tersendiri yang tidak dapat dinafikan bahawa kewujudan dan kelestarian bandar kecil ini adalah didukung kuat oleh faktor laluan kebergantungannya kerana diperhatikan bawanya kebanyakannya bandar kecil di Malaysia berkembang secara semula jadi dibantu dengan sentuhan langsung pihak kerajaan atau pihak lain yang bertanggungjawab.

Satu perkara lagi yang diperhatikan bawanya pertumbuhan bandar baru berkembang tetapi tidak seiring dengan bandar lamanya.

Sebagai contoh, Bandar Baru Bangi berkembang dengan pesat tetapi meninggalkan Bangi Lama sebagai sebuah kawasan usang sejak sekian lama. Begitu juga dengan Bandar Baru Nilai dan Nilai Lama.

Namun begitu, berlaku juga pertumbuhan bandar kecil yang dibina untuk tujuan tertentu. Misalnya Seremban 2 boleh dikategorikan sebagai bandar kecil dan pertengahan dibina untuk tujuan pentadbiran dan pengurusan dengan menyediakan infrastruktur lebih tersusun dan terancang.

Jabatan kerajaan, mahkamah, ibu pejabat polis dan bomba dilatarkan untuk melancarkan pen-

lestarian bandar ini wajar menjadi keutamaan.

Pembangunan bandar ini wajar dilihat secara lebih khusus kerana setiap bandar kecil dan pertengahan ini mempunyai keunikan dan keistimewaan tersendiri yang disebabkan keunikan dan keistimewaannya itulah yang membawa kepada kelestariannya pada hari ini walaupun ada juga bandar kecil ini yang mengalami proses pengusangan dan kepupusan.

Cabarannya memastikan bukan sahaja kemudahan asas utama seperti kemudahan tempat tinggal, bekalan air, elektrik dan telefon disediakan dengan kualiti yang baik, tetapi juga secara berterusan tanpa gangguan yang ketara.

Namun begitu, kemudahan infrastruktur sokongan seperti perkhidmatan komunikasi tanpa wayer dan berwayar misalnya perkhidmatan Wi-Fi dan televisyen berkabel juga menjadi keutamaan dan dianggap sebagai keperluan utama pada masa ini.

Cabarannya untuk menyediakan kemudahan ini sewajarnya menjadi agenda utama dalam pembangunan bandar kecil dan pertengahan ini.

Namun, tidak kurang juga pentingnya ialah menyediakan prasarana pemikiran warga bandar agar dapat berfikir dan bertindak secara matang dalam mengharungi gelombang pembangunan negara pada masa kini dan akan datang.

Penulis
ialah Felo Penyelidik/Pensyarah Kanan Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

DR HADI MANAP



Sekinchan terkenal dengan keenakan makanan laut.